



Bot Mohd Azmi masih tidak dapat dibaiki kerana kekangan kewangan.

Nelayan mohon bantuan baiki bot

MARANG - Meskipun nyawanya hampir melayang manakala bot dan kelengkapan menangkap ikan karam di lautan, Mohd Azmi Mohd Saad, 39, masih ingin terus turun ke laut meneruskan pekerjaannya itu.

Kelmarin, genap sebulan bot TFA 123 miliknya karam di perairan Marang ketika dia dalam perjalanan keluar mencandat sotong bersama bapa, Mohd Saad dan dua lagi rakan pada 5 Julai lalu.

Menurutnya, selepas 20 hari hilang di laut, botnya itu akhirnya ditemui di dasar laut lebih kurang dua batu nautika dari Kuala Marang, di sini.

"Bot ditemui rakan nelayan dekat Pantai Kelulut lebih kurang empat kilometer (dua batu nautika) dari Kuala Marang.

"Selepas itu operasi menunda

dijalankan dengan bantuan tiga bot laut dalam dan enam bot gentian kaca yang akhirnya berjaya membawa bot saya itu masuk ke perairan Pulau Kekabu," katanya.

Bagaimanapun hasrat Mohd Azmi untuk ke laut semula terpaksa ditangguhkan sehingga bot berkenaan dibaiki pulih.

Pemegang ijazah perakaunan itu menganggarkan perlu mengeluarkan perbelanjaan sekitar RM30,000 untuk membaiki semula botnya yang rosak.

"Saya harap ada pihak sudi beri bantuan kewangan bagi membolehkan saya meneruskan kehidupan sebab saya hanya bergantung kepada kerja sebagai nelayan," katanya.

Bagi yang prihatin terhadap nasib Mohd Azmi, boleh salurkan sumbangan ke akaun Maybank miliknya bernombor 1111529000095642 atau hubunginya di talian 019 9276232.